

UMP terima dua tokoh CEO baharu



Kuala Lumpur, 15 Mac- Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima dua tokoh CEO baharu yang dilantik pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam menjayakan Program CEO Faculty Programme. Mereka adalah Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Dato Seri Hj Saripuddin Hj.Kasim yang dilantik di bawah cluster penjawat awam dan Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Seri Ir. Azman Mohd yang mewakili syarikat berkaitan Kerajaan (GLC).

Watikah pelantikan disampaikan Menteri KPT, Dato' Seri Idris Jusoh dalam Majlis Apresiasi dan Watikah Pelantikan CEO Faculty Programme yang berlangsung di Hotel Hilton Kuala Lumpur. Hadir sama dalam majlis, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus dan Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Profesor Dr. Zulkefli Yaacob.



Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata, dengan pelantikan kedua-dua tokoh ini menjadikan universiti ini mempunyai seramai tiga tokoh CEO yang akan berkongsi pengalaman dan kepakaran untuk dimanfaatkan mahasiswa universiti ke

arah memartabatkan sistem pendidikan tinggi negara.

"Ketika ini universiti telah menerima Pengarah Urusan Motorola Solutions Sdn. Bhd iaitu Dr. Hari Nayaranan yang telah menyampaikan syarahan serta berkongsi kepakaran dengan para pensyarah dan mahasiswa UMP dengan mencapai 25 jam pertemuan," katanya.

Tambah beliau, Program CEO@Faculty ini membolehkan mahasiswa berinteraksi dengan tokoh-tokoh industri dalam meningkatkan pengetahuan dan pengumpulan maklumat yang dapat memberikan peluang kepada warga universiti ini untuk menimba pengalaman daripada CEO yang dijemput.

Selain itu, syarahan umum yang menjadi saranan KPT ini juga bertujuan mengabungkan pengalaman dan pengetahuan di antara pengamal industri dan golongan akademik.



Disediakan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat PNC

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 17-03-2016, 17:05:39